

**RITUAL SERARANG: ANALISIS HIDANGAN MAKANAN
SEBAGAI SIMBOL KOMUNIKASI BUKAN LISAN MASYARAKAT
MELANAU LIKOW DI DALAT, SARAWAK**
*SERARANG RITUAL: ANALYSIS OF FOOD DISHES AS A SYMBOL OF
NON-VERBAL COMMUNICATION OF THE MELANAU LIKOW
COMMUNITY IN DALAT, SARAWAK*

Norhuda Salleh,
Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan,
Unviersiti Malaysia Sabah
norhudasalleh@ums.edu.my

Noor Norazila Inai¹ & Mohamad Maulana Magiman
Jabatan Sains Sosial dan Pengurusan,
Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia,
Kampus Bintulu, Sarawak
NOOR.NORAZILA@YAHOO.COM, MDMAULANA@UPM.EDU.MY
Tarikh dihantar: 15 April 2020 / Tarikh diterima: 20 Mei 2020

Abstrak: Persembahan makanan dalam ritual *Serarang* dijalankan bertujuan menggemirakan *Ipok*. Setiap tahun ritual ini antara aktiviti yang dilakukan dalam Pesta Kaul oleh masyarakat Melanau *Likow* sebagai tanda kesyukuran dan perlakuan memohon perlindungan kepada semangat laut. Pelaksanaan ritual ini amat berkait rapat dengan pandang dunia masyarakat pengamal. Fokus utama dalam kajian ini untuk mengkaji makna simbol makanan yang dipersembahkan kepada *Ipok*. Data-data dalam kajian ini pula dianalisis menggunakan pendekatan teori semiotik yang mengkaji makna makanan dalam konteks komunikasi bukan lisan. Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi dengan pengkaji turut serta dalam pelaksanaan ritual. Data diperoleh melalui temu bual mendalam bersama informan utama, *Tama Kaul* dan para pengamal ritual. Lokasi kajian terletak di Kampung Medong, Dalat Sarawak. Kajian ini mendapati bahawa makanan yang dipersembahkan kepada *Ipok* mengandungi makna yang tersendiri dan diterjemahkan menerusi bentuk, warna dan cara pengolahannya. Makanan dalam dulang *Serarang* membawa makna kasih sayang, kesyukuran serta doa dan harapan agar dikurniakan rezeki yang lebih banyak pada tahun mendatang. Ritual ini menjadi tradisi dan identiti masyarakat Melanau *Likow* hingga kini.

Kata kunci: simbol; makanan; ritual *Serarang*; Kaul; Melanau *Likow*

Abstract: The food offering in the Serarang ritual is a form of performance with the aim of pleasing Ipok. Serarang ritual is an annual activity which performed by the community of Melanau Likow in the Kaul Festival as a sign of gratitude and seek protection to the spirit of the sea. The execution of this ritual is related to the worldview of society practitioners. The main focus of this study is to analyze the meaning of food symbols presented to Ipok. The data in this study were analyzed using a semiotic theoretical approach which studies the meaning of food in the context of nonverbal communication. This research used an ethnographic approach and the researchers also participated in ritual execution. The data was collected through an in-depth interview with the main informants, Tama Kaul, and with the other ritual practitioners. The research was conducted in Kampung Medong, Dalat Sarawak. The data analysis found that the food that was delivered to Ipok had its own meaning and could be interpreted through shape, colour, and the way it is presented. The food in the Serarang tray

¹ Pelajar Doktor Falsafah

means love, gratitude, prayer, and hope for more sustenance in the upcoming year. The research also found that the ritual is still practiced to this day by the Melanau Likow community and becomes the identity of its existence in the state of Sarawak.

Keywords: symbol; food; Serarang ritual; Kaul; Melanau Likow

PENGENALAN

Mesej merupakan komponen terpenting dalam aktiviti manusia. Mesej berinteraksi dalam kehidupan manusia untuk menghasilkan makna. Hal ini menjelaskan tentang kewujudan peraturan mengenai mesej atau teks dalam budaya. Penyampaian mesej yang mempunyai makna diperkemas dalam pelbagai bentuk dan disampaikan dengan pelbagai cara. Cara manusia bercakap, menulis, berpakaian dan berkelakuan. Setiap aktiviti yang kita lakukan mempunyai makna kepada kepada orang lain. Makna wujud ketika manusia mentafsirkan simbol yang merupakan salah satu daripada elemen struktur mesej. Tafsiran ini didorong oleh pengalaman dan budaya pengirim dan penerima mesej, sehingga wujud perbezaan yang bersifat subjektif. Komunikasi merupakan interaksi sosial daripada keseluruhan mesej dengan setiap cara, dimana interaksi meletakkan individu sebagai anggota budaya tertentu atau anggota masyarakat.

Penghasilan makna yang dibentuk melalui komunikasi diwujudkan sama ada dengan komunikasi lisan (verbal) atau komunikasi bukan lisan (non verbal). Antara mesej dalam komunikasi tersebut, pertukaran mesej budaya merupakan hal yang penting. Hal ini kerana mesej kebudayaan mengandungi simbol atau kepercayaan yang diwarisi daripada generasi kepada generasi. Makanan merupakan sebahagian daripada kebudayaan dan amat penting untuk diperhatikan bukan hanya dilihat sebagai keperluan tetapi juga dari sudut pandang kewujudannya dalam konteks sosial masyarakat kita. Menurut Noor Norazila Inai & Mohamad Maulana Magiman (2019), makanan dikaitkan sebagai bahan perantara kepada semangat laut (*Ipok*) dalam budaya masyarakat Melanau *Likow*. Amalan ini tidak dapat dipisahkan daripada sistem kepercayaan dan sistem sosio-budaya. Masyarakat Melanau *Likow* memandang penyediaan makanan bagi ritual *Serarang* kepada *Ipok* sebagai kearifan tempatan berdasarkan sistem kepercayaan seperti masa lalu. Mereka percaya ritual *Serarang* perlu dilaksanakan setiap tahun dalam upacara *Kaul* bagi memperoleh kehidupan yang harmoni untuk tahun tersebut. Hal ini bertepatan dengan pandang dunia masyarakat ini bahawa setiap ahli masyarakat perlu taat kepada persekitaran, sifat menghormati dan kewujudan makhluk lain bersama manusia.

Kebiasaannya, masyarakat dahulu banyak mengungkapkan tunjuk ajar melalui simbol-simbol sama ada melalui gerak badan, ekspresi muka mahupun objek (simbol) untuk menyampaikan maksud. Oleh hal yang demikian, kewujudan simbol amnya diangkat sebagai pengukur yang membawa makna yang diadun mengikut budaya masyarakat pelaksana. Norhuda Salleh (2017) menjelaskan bahawa simbol pada amnya berguna untuk mentafsirkan idea dan pemikiran di sebalik proses adat dan objek fizikal sesebuah kebudayaan. Sebagai contohnya, simbol makanan dalam masyarakat Melayu merupakan pelengkap bagi sesuatu perayaan seperti Hari Raya, sesuatu majlis seperti perkahwinan, kenduri arwah, majlis cukur jambul (bagi bayi yang baru lahir) dan aktiviti ritual tradisi yang lain. Pernyataan ini adalah seiring dengan masyarakat Melanaw *Likow* yang turut menggunakan makanan sebagai simbol dan makna dalam pelaksanaan ritual *Serarang*. Hidangan yang menghasilkan rasa manis menggambarkan rasa syukur dan berterima kasih atas hasil tuaian semasa.

MASYARAKAT MELANAO *LIKOW*

Morris (1953) dalam kajiannya yang berjudul *A Melanau Sago Producing Community in Sarawak* merungkai sedikit sebanyak asal usul kaum Melanau. Menurut Keppel (1846), Roth:, 1968, Clayre: 1970), perkataan Melanau telah wujud dalam peta orang Eropah sejak tahun

1595 apabila perkataan ‘Melanau’ pernah disebut sebagai ‘*Millanows*’, ‘*Millanowes*’, ‘*Milanos*’, ‘*Milano*’ serta ‘*A- Liko*’. Orang Melayu Sarawak memanggil orang Melanau sebagai ‘*Melano*’ sementara komuniti Iban pula memanggil mereka sebagai ‘*lawut*’. Une (1989) secara literalnya menjelaskan istilah *Lawut* bermaksud ‘orang yang menetap di kuala’. Manakala Moris (1978), menjelaskan maksud Melanau *Likow* atau *A-Liko* yang merujuk kepada orang yang berasal dari kawasan sungai. Pada zaman kolonial dahulu, kelompok ini lebih dikenali dengan panggilan “Melanau Pagan” atau “Melanau Liko”.

Kenyataan ini disokong oleh Dzulfawati Hassan (2006) bahawa di kawasan Mukah, istilah itu digunakan bagi membezakan diri mereka dengan Melanau Islam dan Melanau Kristian. Istilah A-Liko digunakan semata-mata atas dasar penempatan komuniti masyarakat yang sebahagian besar daripada mereka menetap di kawasan pedalaman, pinggir sungai Rajang, dan kawasan berhampiran dengan sungai. Menurut Jeniri Amir (2015), kehidupan masyarakat Melanau sangat berkait rapat dengan sungai atau laut kerana sungai atau laut merupakan sumber ekonomi utama yang membentuk corak kehidupan mereka. Selain itu, ciri-ciri penempatan mereka lebih tertumpu di kawasan yang mempunyai hasil sungai atau laut. Hal ini mengakibatkan budaya dan kehidupan mereka sangat berkait rapat dengan amalan di sungai dan laut yang akhirnya diterjemahkan dalam budaya kesenian mereka.

Budaya masyarakat Melanau *Likow* mempunyai keunikan tersendiri di mana mereka masih memiliki pelbagai acara dalam mencapai kesejahteraan dalam kehidupan mereka. Menurut Mohamad Maulana Magiman & Othman Yatim (2012), kesejahteraan yang ingin dicapai dalam sesebuah kehidupan merupakan suatu usaha untuk menyelamatkan masyarakat pengamalnya daripada pelbagai musibah atau malapetaka. Ekoran itu, timbul usaha masyarakat pengamal mencipta pelbagai bentuk persembahan berupa ritual atau upacara. Upacara ini diusahakan untuk memohon pertolongan daripada pelbagai amalan berteraskan agama ataupun kuasa supernatural bagi mereka yang mengamalkan fahaman tradisi. Menurutnya lagi, perkara yang berkaitan dengan fahaman tradisi sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada amalan budaya kerana masih terdapat kelompongan yang masih ditinggalkan. Sarina Ketu et al., (2019) menjelaskan bahawa ritual atau upacara masih lagi memainkan peranan penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat disebabkan kelompongan dalam sesuatu budaya itu. Apabila dikaitkan dengan budaya masyarakat Melanau *Likow*, sememangnya ritual mempunyai tujuan tertentu. Sebagai contoh, Pesta Kaul dalam takwim masyarakat Melanau diraikan setiap tahun. Secara realitinya Pesta Kaul dijadikan sebagai tarikan pelancong, bulan pesta dan sebagainya. Pada hakikatnya, masyarakat belum jelas bahawa ibu kepada Pesta Kaul dikenali sebagai ‘*Serarang*’. Upacara *Serarang* terdiri daripada pelbagai acara dan dilaksanakan melalui ritual *Serarang*.

SOROTAN LITERATUR

Konsep makanan dari sudut budaya dan sosial oleh Counihan & Esterik (2008) adalah “*food touches everything in life*” iaitu, amat berperanan dalam sosialisasi manusia. Koc & Welsh, 2002 pula, menunjukkan bahawa makanan mempunyai impak dan fungsi secara langsung dalam kehidupan seseorang manusia mahupun sesebuah kelompok masyarakat. Hasil penelitian Counihan, menegaskan bahawa peranan makanan dalam kehidupan manusia dan budaya adalah lebih kepada meneroka cara masakan dan penggunaan makanan. Hubungan antara makanan dan manusia sebenarnya telah dibincangkan oleh ramai pengkaji seperti (Almli, Verbeke, Vanhonacker, Næs, & Hersleth, 2011; Cairns, Johnston, & Baumann, 2010; Flannery & Mincyte, 2010; Finucane & Holup, 2005; Anderson, 1994). Rearick (2009). Mereka menjelaskan fungsi makanan berperanan menjadi titik pertemuan dan membantu masyarakat secara bersama dalam mengeratkan hubungan sosial. Makanan yang dihidangkan dalam sesuatu acara kemasyarakatan mempunyai kesan yang mendalam kepada masyarakat. Sebagai contoh, dalam festival tertentu makanan mewujudkan peluang untuk membina

hubungan dan kebersamaan (Rosmaliza Muhammad et al., 2009). Kenyataan ini disokong oleh Sarra Jastika & Mohamad Maulana Magiman (2020), yang menjelaskan bahawa budaya sesebuah masyarakat merupakan warisan tradisi yang diperoleh melalui pengalaman dan peninggalan generasi dahulu yang kemudiannya dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat pendukungnya.

Selanjutnya Whitt (2011), berpendapat bahawa makanan tidak hanya mencerminkan dan memaparkan identiti peribadi dalam kehidupan tetapi juga mencerminkan identiti budaya. Erti kata lain, makanan dapat diangkat sebagai suatu simbol yang boleh mewakili sesebuah masyarakat dengan berlandaskan pemaknaanya terhadap makanan tersebut berteraskan sistem kepercayaan dan pengamalan mereka. Perkara ini dapat dibuktikan dengan meneliti rentetan kajian berhubung makanan seperti pola pengambilan makanan hingga makanan diangkat sebagai simbol dalam kajian antropologi yang dirintis oleh Levi-Strauss (1963). Levi-Strauss menjelaskan, makanan mempunyai pelbagai sudut dan penekanan untuk diteliti. Antara yang dititik beratkan, “...to unlock underlying patterns in rituals, meals, sentences, clothing, and various other phenomena. These patterns were not the observed surface meaning. However, underlying the surface meaning, deep structures could be observed.”

Kajian tersebut kemudiannya dikembangkan oleh Sutton (2001) dan Counihan & Esterik (2013). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu, dapat disimpulkan bahawa makanan bukan hanya sebagai keperluan manusia untuk kelangsungan hidup tetapi menjangkau makna yang dibawa ketika ia dihidangkan dalam majlis tertentu. Kebiasaannya, masyarakat dahulu banyak mengungkapkan tunjuk ajar melalui simbol-simbol yang wujud sama ada melalui gerak badan, ekspresi muka mahupun objek (simbol) yang digunakan untuk menyampaikan maksud. Oleh hal yang demikian, kewujudan simbol amnya diangkat sebagai pengukur yang membawa makna yang diadun mengikut budaya masyarakat pelaksana. Norhuda Salleh (2017) menjelaskan simbol amnya berguna dalam mentafsirkan idea dan pemikiran di sebalik proses adat dan objek fizikal sesebuah kebudayaan. Sebagai contohnya, dalam masyarakat Melayu simbol makanan merupakan pelengkap bagi sesuatu perayaan seperti Hari Raya, majlis seperti perkahwinan, kenduri arwah, majlis cukur jambul (bagi bayi yang baru lahir) dan aktiviti ritual tradisi yang lain. Pernyataan ini adalah seiring dengan masyarakat Melayu yang turut menggunakan makanan sebagai simbol yang mencetuskan makna bagi sesebuah upacara atau adat. Sebagai contohnya, nasi minyak dijadikan hidangan yang sinonim dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu yang membawa makna pemakluman kepada masyarakat.

Lewis (2006) menegaskan bahawa makanan merupakan simbol yang sempurna bagi membentuk identiti sebagaimana kenyataan “*we are what we eat*” dalam konteks budaya dan individu. Selain itu, makanan turut berperanan dalam membentuk pantang larang yang menjadi garis panduan kehidupan bermasyarakat dalam kebanyakan agama di dunia. Senada dengan itu, Counihan & Esterik (2008) membahas dan menegaskan bahawa masyarakatlah yang memberi makna simbolik terhadap makanan. Cara pemakanan pula bergantung kepada situasi makanan tersebut dihidangkan serta fungsi makanan dalam konteks upacara yang dilaksanakan. Sebagai contohnya, telur merah membawa makna secara simbolik sebagai kesuburan dalam majlis perkahwinan masyarakat Cina dan mee yang dihidangkan dalam majlis menyambut ulang tahun kelahiran pula adalah sebagai keberkatan dan panjang umur (Cheah & Robbins, 1998).

Hal ini demikian kerana simbol dapat dizahirkan daripada pewujudan maksud berupa objek, tindakan, peristiwa dan sifat yang dapat berperanan sebagai alat konsepsi tentang sesuatu perkara. Konsepsi merujuk kepada aspek makna daripada sesuatu simbol yang wujud. Sehubungan itu, dalam usaha memahami makna sebuah simbol, perlu ditafsirkan sistem-sistem simbol tersebut dalam bentuk-bentuknya yang tertentu sebagaimana ia terkandung dalam konteks sosialnya yang khusus. Menurut Dillistone (2002:116), pengertian terhadap simbol

memerlukan konteks untuk mendapatkan sebuah makna yang autentik, sehingga dapat mewujudkan suatu pola atau sistem yang dapat disebutkan sebagai kebudayaan. Begitu juga seperti dikatakan oleh Turner bahawa simbol adalah; “*a thing regarded by general consent as naturally typifying or representing or recalling something by possession of analogous qualities or by association in fact or thought.*” Turner (1967:19). Simbol secara amnya mempunyai ruang lingkup yang luas untuk menampakkan fungsi dan mungkin berbeza mengikut latar belakang masyarakat yang diwakili. Hal ini berlaku akibat daripada faktor pengaruh budaya dan agama etnik yang dikaji (Fatimah Abdullah, 2009; Fukutomi, 2002). Selain itu, setiap simbol yang terdapat dalam ritual tersebut mempunyai maknanya yang tersendiri. Simbol berperanan sebagai mekanisme untuk menyampaikan mesej atau salah satu cara untuk berkomunikasi (Dyg Hadzlina Quintan Haji Abg Shokeran & Mohamad Maulana Magiman, 2019).

Kajian berhubung makanan sebagai simbol dalam masyarakat turut dibahas oleh Bourdieu (1991) menerusi kajiannya tentang masyarakat Korea. Beliau menjelaskan bahawa masyarakat Korea menyediakan makan *ttuk kuk* (sup kek beras) iaitu hidangan dalam sambutan *Tahun Baharu Lunar* sebagai simbol pertambahan setahun lagi usia. Bagi sambutan hari lahir, mereka menyediakan makanan tradisional yang dikenali sebagai *miyeok kuk* (sup rumpai laut) sebagai simbol peningkatan usia (Bourdieu, 1991). Oleh hal yang demikian, kajian berhubung makanan dan makna yang dibawa dalam masyarakat pengamal berkait rapat dengan pandang dunia mereka. Melalui kajian yang lalu dapat dijelaskan bahawa pembentukan identiti sesebuah masyarakat mempunyai pertalian dengan jenis makanan, cara penyediaan dan masa dihidangkan.

Pernyataan ini selari dengan Whitt (2011) yang menjelaskan bahawa makanan adalah penting bagi mengenal pasti identiti budaya sesebuah etnik. Hal ini kerana makanan tidak hanya melambangkan identiti peribadi seseorang tetapi juga merupakan cerminan identiti masyarakat. Simbol makanan ini turut wujud dalam sesuatu adat yang menyatakan hubungan antara individu-individu dan kelompok bagi membawa makna tertentu (Foster & Anderson, 1978:317).

Kajian tentang makanan dalam pembentukan etnik turut dilakukan oleh Shuhirdy Mat Noor, Nurul Aisyah Zakaria, Nik Mohd Shahril, Hamizad Abd Hadi, & Mohd Salehuddin Mohd Zahari (2013:29). Kajian ini menjelaskan bahawa makanan kaya dengan simbolisme. Selanjutnya, konsep makanan dalam kehidupan berperanan dalam adat dan tradisi serta budaya bagi sesebuah masyarakat. Kajian lain menyifatkan makanan sebagai jambatan ke dunia ekspresi, budaya dan penghasilan dalam masyarakat (Welch & Scarry, 1995; Gutierrez & Ancelet, 1992; Freeman, 2002; Cusack, 2003; Gold, 2007; Williams-Forson, 2007; Quah, 2009).

Makanan bukan sahaja dirujuk sebagai keperluan seharian malah jauh daripada itu. Hal ini kerana makna yang terkandung di sebalik makanan yang dihidangkan yakni disampaikan menerusi bentuk komunikasi bukan lisan. Ini selaras dengan definisi komunikasi tanpa lisan iaitu ‘communication without words’, komunikasi tanpa perkataan (Adler & Rodman 2003; DeVito 2005; Tubbs & Moss 2006). Justeru, komunikasi tanpa lisan ialah segala bentuk komunikasi selain daripada komunikasi yang menggunakan perkataan seperti definisi yang diutarakan oleh sarjana seperti Ronald Adler & George Rodman.

Seiler et al. (2016:110) turut mentakrifkan komunikasi tanpa lisan sebagai, “... *all behaviors, attributes, or objects (except words) that communicate messages that have social meaning*”.. Maksudnya, komunikasi tanpa lisan melibatkan sebarang bentuk perlakuan, objek, atribut, mesej atau simbol yang membawa makna-makna sosial. Komunikasi tanpa lisan juga dianggap sebagai satu proses penjanaan makna melalui mesej-mesej yang tidak mengaplikasikan perkataan atau pertuturan lisan (Pearson et al., 2011). Proses dalam komunikasi pula melibatkan satu siri tindakan yang tidak mempunyai titik mula atau akhir dan

ia selalu berubah yakni bersifat dinamik (Seiler et al., 2016). Kewujudan istilah komunikasi dalam konsep komunikasi tanpa lisan akan berlaku jika proses tersebut melibatkan penghantar dan penerima mesej (DeVito, 2012). Komunikasi juga bersifat sistemik kerana melibatkan elemen-elemen yang saling berkaitan untuk mewujudkan makna.

Takrifan Harrison & Knapp (1972:12) dalam bukunya yang bertajuk *Toward an Understanding of Nonverbal Communication Systems* menjelaskan bahawa, “the term nonverbal communication has been applied to a broad range of phenomena: everything from facial expression and gesture to fashion and status symbol, from dance and drama to music and mime, from flow of affect to flow of traffic, from the territoriality of animals to the protocol of diplomats, from extrasensory perception to analog computers, from the rhetoric of violence to the rhetoric of topless dancers”.

Secara kesimpulannya, komunikasi tanpa lisan berlaku melalui semua saluran pancaindera sama ada melalui penglihatan, pendengaran, bau, sentuhan dan rasa. Dalam kajian Brower (2011) tentang rasa dalam konteks etika periklanan memperkenalkan istilah ‘gustics’, iaitu berasal daripada bahasa Latin (*gusto*) atau bahasa Perancis (*goûter*) yang bermaksud rasa. Itilah *gustik* turut digunakan oleh Gayathridevi (2013) dalam membuat pemurnian tentang definisi komunikasi bukan lisan.

Penulisan dan kajian ini menjurus kepada simbol makna rasa (*gustik*) yang dikemukakan oleh Gayathridevi (2013). Faktor utama penulisan ini adalah melihat makanan sebagai bentuk komunikasi kerana ia berkaitan secara langsung dengan ritual dan budaya. Ritual didefinisikan sebagai drama sosial dalam kehidupan yang penuh dengan simbolik. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Morgan (2010) “*Food is... vital to human health and well-being in a way that the products of the industries are not, and this remains the quintessential reason as to why we attach such profound significance to it*”.


OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengkaji makna simbol makanan dalam konteks sudut pandang komunikasi bukan lisan yang dipersembahkan kepada *Ipok* oleh masyarakat Melanau *Likow* Sarawak.



Rajah 1: Peta negeri Sarawak, Daerah kajian di Mukah



Peta 2: Peta kawasan Dalat dan lokasi kajian. Sumber: nona.net

METODOLOGI

Perbincangan ini diasaskan kepada kajian yang dilakukan di Kampung Medong, daerah Dalat, Sarawak. Pendekatan etnografi digunakan oleh pengkaji dalam usaha membuat pengumpulan data iaitu, pengkaji turut serta dalam adat yang dilaksanakan. Bagi memastikan kesahan maklumat, informen yang ditemu bual terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam ritual *Serarang*. Temu bual mendalam juga dilakukan bersama *Tamu Kaul* atau ketua ritual yang berperanan sebagai perantara antara manusia dengan *Ipok*. Aktiviti pengumpulan data dirakam dengan alat perakam suara, kamera dan juga video di sepanjang pelaksanaan ritual *Serarang*. Kajian ini turut melibatkan kajian kepustakaan bagi memperolehi data atau maklumat yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Data-data kajian dianalisis untuk mengenal pasti simbol-simbol makanan yang diamalkan oleh masyarakat Melanau *Likow* dalam pelaksanaan ritual *Serarang*.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Sajian makanan dalam ritual *Serarang* adalah sangat sinonim dengan kosmologi masyarakat Melanau *Likow*. Makanan-makanan yang dijamu kepada *Ipok* seperti penyaram, kuih perut ayam, apit lepas, kertob, belen dan kuih jala amnya mengandungi makna secara tersirat di sebalik pemilihan dan hidangannya.

Kuih Penyaram

Kuih Penyaram merupakan kuih tradisional masyarakat Melanau *Likow* yang diperbuat daripada campuran tepung beras, tepung gandum, air dan gula *apong* (gula nipah). Gula *apong* dihasilkan menggunakan air nira (manisan) daripada pokok nipah. Air nira yang berwarna coklat cair dimasak hingga menjadi pekat dan bertukar kepada warna coklat gelap. Pokok nipah merupakan tumbuhan liar yang hidup subur di sepanjang sungai di Sarawak.

Pembuatan penyaram tidak rumit tetapi memerlukan kesabaran yang tinggi. Hal ini demikian, kerana campuran bahan-bahan untuk menghasilkan penyaram perlu diperam dalam tempoh enam hingga lapan jam atau semalaman sebelum dimasak. Bancuhan yang telah

melalui proses pemerapan digoreng dalam kualiti khas yang bersifat berat, bentuk runcing dan dalam. Penyaram disediakan oleh kaum wanita yang berpengalaman bagi memastikan bentuknya menyerupai topi sambil rekaan lingkaran berbentuk tali di sekelilingnya. Penyaram merupakan juadah terpenting dalam pelaksanaan *Serarang*. Menurut informen, penyaram adalah juadah kesukaan *Ipok* dan menjadi juadah yang tidak boleh ditinggalkan dalam pelaksanaan *Serarang*.

Penyaram mempunyai rasa manis yang asli hasil daripada gula apong. Informan menjelaskan rasa manis daripada penyaram melambangkan kasih sayang. Masyarakat Melanau Likow percaya bahawa penyaram mampu merapatkan hubungan keluarga yang terpisah jauh. Hal ini kerana ritual *Serarang* menghimpunkan seluruh ahli keluarga dan rakan taulan yang berjauhan, balik ke kampung dan meraikan pesta Kaul. Lingkaran seperti tali yang dibentuk di sekeliling penyaram pula merujuk kepada ikatan kasih sayang dalam masyarakat Melanau Likow yang tidak pernah terputus.



Gambar 1: Gula apong, sumber: Kajian lapangan 2019



Gambar 2: Kuih Penyaram. Sumber: Kajian lapangan 2019

Kuih Jala

Ramuannya untuk menghasilkan kuih jala terdiri daripada tepung beras, gula apong dan air. Gula apong menghasilkan kuih jala yang manis. Justeru itu, penggunaan gula apong dalam pembuatan kuih jala amat dititikberatkan dalam masyarakat Melanau Likow. Dalam

pelaksanaan ritual, masyarakat mengambil sifat manis dari kuih jala agar pekerjaan yang dilakukan membuahkan hasil berupa kebaikan dan mengelakkan malapetaka.

Kuih jala ialah simbol doa dan harapan dalam tradisi ritual masyarakat Melanau *Likow*. Kuih ini menjadi elemen penting dalam *pakar* atau dulang hantaran sebagai salah satu makanan kegemaran *Ipok*. Kuih jala merujuk kepada simbol doa dan pengharapan agar pekerjaan sama ada hasil sungai atau laut bertambah pada tahun semasa dan akan datang. Masyarakat Melanau *Likow* mengharapkan keuntungan yang lebih banyak `di sebalik pelaksanaan ritual ini.



Gambar 3: Kuih jala. Sumber kajian lapangan 2019

Apit Lepas



Gambar 4: Apit lepas, sumber: Kajian lapangan, 2019

Ketupat atau *apit lepas* dalam kehidupan tradisi masyarakat Melanau *Likow* membawa makna yang tersendiri. Mereka percaya bahawa ritual *Serarang* tidak lengkap sekiranya tidak meletakkan *apit lepas* di dalam dulang hantaran *Serarang*. *Apit lepas* yang diperbuat daripada beras pulut dan dibalut menggunakan daun nipah muda atau daun *medok*. Berdasarkan kehidupan generasi terdahulu, sebelum memulakan perjalanan ke sungai dan laut, *apit lepas*

menjadi pra-syarat sebagai jamuan semangat atau roh *Ipok*. Masyarakat Melanau *Likow* menggunakan *apit lepas* untuk melepaskan segala niat yang dihajatkan ke sungai atau laut. Menurut kepercayaan bahawa *Ipok* di sekeliling manusia akan memakan *apit lepas* tersebut meskipun tidak dilihat dengan mata kasar. Sebagai balasannya, *Ipok* membantu menjaga keharmonian mereka daripada anasir jahat dan melimpahkan hasil yang lebih banyak semasa berada di sungai dan laut. Hal ini disebabkan *Ipok* diibaratkan sebagai penjaga sungai dan laut yang memberikan rezeki dan membantu para nelayan mendapatkan hasil yang banyak semasa menangkap ikan.

Masyarakat Melanau *Likow* turut memaparkan pantang larang semasa menyediakan sajian ini. Menurut Ahmad Shahrane (2013), pantang-larang merupakan satu peraturan sosial yang dikongsi dalam hidup bermasyarakat yang mengamalkan toleransi kaum dan agama. Menurut informan di lokasi kajian, semasa mengukus pulut (proses mengacau pulut bersama santan), individu ditegah mengatakan atau bercakap takbur kerana dikhuatiri akan mencacatkan hasil pulut tersebut. Selain itu, proses mengacau santan sehingga masak haruslah mengikut arah jam bagi mengelakkan pulut nasi basi dengan cepat. Kesemua aspek utama ini perlu dipelihara dan dijaga agar kualiti pulut tidak berubah daripada segi rasa dan bentuk. *Apit lepas* melambangkan kemakmuran hidup dan keharmonian kekeluargaan menerusi bentuk lipatan *apit lepas* yang memerlukan ketelitian. Santan untuk merebus pulut nasi pula melambangkan kesucian hati individu tersebut.

Kuih Perut Ayam

Kuih perut ayam merupakan sajian tradisional masyarakat Melanau *Likow* yang wajib dipersembahkan dalam hampir setiap upacara dan perayaan yang melibatkan hal kematian mahupun sambutan awal tahun. Dalam tradisi masyarakat Melanau *Likow*, *kuih perut ayam* diperbuat daripada doh tepung gandum, santan, marjerin dan gula. Setelah diadun kesemua bahan, doh tersebut dicanai dan dipotong secara memanjang. Kemudian, doh yang telah dipotong digulung untuk mendapatkan bentuk seperti perut ayam. Setelah gulungan tersebut diperolehi, ia digoreng sehingga kekuningan. Kuih ini melambangkan kemakmuran dan keharmonian hidup masyarakat Melanau *Likow*. Simboliknya dapat dilihat melalui bentuknya yang bersifat melingkari dan bertindih antara satu sama lain. Bentuknya yang seperti perut ayam serta tekstur rasa yang rapuh itu merujuk kepada kehidupan masyarakat Melanau *Likow* yang saling memerlukan dan bertoleransi demi kedamaian dalam kehidupan. Kemakmuran hidup dan keharmonian ikatan kekeluargaan dipaparkan melalui struktur bentuknya yang bertindih antara satu sama lain.



Gambar 5: Kuih perut ayam. Sumber: kajian lapangan, 2019

Kertob

Bertih beras atau dikenali sebagai *kertob* merupakan elemen penting di atas *pakar* atau dulang hantaran *Serarang*. *Kertob* biasanya menggunakan lebih nasi yang telah dijemur terlebih dahulu. Nasi yang telah kering setelah dijemur digoreng dan diadun menggunakan gula apong. Masyarakat Melanau *Likow* percaya bahawa *kertob* menyucikan diri dan menghalau elemen jahat di sekeliling mereka. Selain itu, *kertob* yang telah digoreng merujuk kepada maksud kesuburan hidup dalam masyarakat Melanau *Likow*. Mereka percaya bahawa beras membawa simbol yang suci dan lebih nasi tidak harus dibuang begitu saja. Oleh itu, perasaan yang suci dan bersih dapat menghindari daripada perasaan negatif terhadap orang lain. Bagi masyarakat Melanau *Likow*, *kertob* adalah lambang kesyukuran dan tanda terima kasih atas rezeki yang mencukupi daripada *Ipok*.



Gambar 6: Kertob. Sumber: Kajian lapangan, 2019

Belen

Belen ialah beberapa jenis hidangan yang diletakkan dalam dulang untuk dipersembahkan kepada *Ipok*. Hidangan ini terdiri daripada tujuh helai daun sirih yang melambangkan tujuh tingkat dunia mengikut pandang dunia masyarakat Melanaw. *Belen* sebagai sajian khas yang wajib dipersembahkan kepada *Ipok*. *Belen* iaitu, kombinasi sajian yang terdiri daripada sirih, rokok apong dan buah pinang disediakan kepada penjaga sungai atau laut, roh, hantu, jembalang dan sebagainya. Kepercayaan terhadap *belen* menuntut agar mereka melengkapkan keseluruhan sajian yang dipersembahkan kepada *Ipok*.

Belen juga disediakan sebagai simbol kepada pengharapan dan doa agar dapat mengelakkan diri sendiri dan keluarga daripada diganggu atau disakiti. Menurut kosmologi Melanau *Likow*, *belen* turut melambangkan ketaatan dan penghormatan iaitu, dengan kehadiran konsep pencipta (*Ipok*). Elemen dalam *belen* yang terdiri daripada elemen sirih, tembakau dan rokok apong memaparkan maksud yang terdendiri. Rokok apong membawa makna kerukunan yakni bertoleransi dan ikatan persaudaraan yang kuat. Penggunaan tembakau yang pahit pula melambangkan sifat ketabahan dalam menghadapi segala hal. Menurut informan, sirih pula bermaksud pengikat janji atau ‘kontrak sosial’ antara manusia dan *Ipok*. Konsep *belen* dalam

masyarakat Melanau *Likow* merupakan bentuk makanan yang sama seperti dikatakan oleh Geertz (1973). Bezanya hanyalah jenis barangan yang disediakan sebagai *belen*. Sebagai contoh, masyarakat Mojukuto menggunakan sikat rambut, benang, bunga, kemenyan, buah pinang, tembakau dan sebagainya. Masyarakat Melanau *Likow* pula menggunakan sajian seperti sirih, tembakau dan rokok apung. Berdasarkan kepada kedua-dua keadaan itu, meunjukkan bahawa *belen* yang disediakan kerana maksud yang tersendiri. Penyediaan *belen* dikhususkan untuk jamuan kepada makhluk ghaib yang dipercayai akan menjaga atau membantu kehidupan mereka. Amalan penyediaan *belen* dalam masyarakat Melanau *Likow* bukan sahaja untuk *Ipok* namun sering kali dijadikan makanan untuk orang-orang tua pada hari biasa atau semasa kematian.



Gambar 7: Belen. Sumber: Kajian lapangan, 2019

Simbol ketaatan dan penghormatan berlaku dengan kehadiran unsur-unsur pencipta (*Ipok*) serta lambang doa dan pengharapan yang berpanjangan. Prinsip yang terkandung dalam kehidupan masyarakat Melanau *Likow* sebenarnya berteraskan kekeluargaan dengan menekankan kepada sifat kasih sayang. Jika dilihat secara menyeluruh tentang perjalanan dan pelaksanaan ritual ini semuanya menjurus kepada sifat kekeluargaan yang akhirnya membentuk identiti kehidupan. Mohamad Maulana Magiman & Norhuda Salleh (2017), menjelaskan bahawa setiap identiti yang terbentuk dalam budaya banyak terkait melalui seni dalam budaya sesebuah masyarakat yang wujud dalam sesebuah kawasan.

KESIMPULAN

Pemerhatian dan dapatan kajian ini menjelaskan bahawa simbol yang disampaikan melalui hidangan makanan dalam sesebuah ritual merupakan mesej dan interaksi yang memberikan makna. Mesej yang disampaikan itu kebanyakannya menjurus kepada bentuk pemikiran yang positif kerana kehadiran suatu bentuk peringatan kepada masyarakat pengamalnya. Pelaksanaan aktiviti ritual *Serarang*, merujuk kepada penyampaian mesej dalam pelbagai bentuk, sama ada secara lisan atau secara bukan lisan. Mesej yang diterjemahkan melalui analisis simbol sebenarnya menjadi pengikat kepada hubungan kekeluargaan dalam

masyarakat Melanau *Likow*. Hal ini disebabkan oleh jurang pemisah yang berlaku selepas penghijrahan atau anutan terhadap agama baharu. Namun, dengan adanya pelaksanaan ritual ini, menyebabkan ikatan yang erat sekali gus menyatukan masyarakat Melanau *Likow*. Akhirnya membentuk sifat kasih sayang melalui pemeliharaan budaya *Ipok* sebagai identiti masyarakat Melanau *Likow*. Nilai-nilai yang dipupuk dalam masyarakatnya diterjemahkan melalui pelbagai pemahaman berteraskan kepada sifat kekeluargaan, kesucian, keharmonian yang mengutamakan prinsip menghormati kekeluargaan.

RUJUKAN

- Almli, V. L., Verbeke, W., Vanhonacker, F., Næs, T., & Hersleth, M. (2011). General image and attribute perceptions of traditional food in six European countries. *Food Quality and Preference*, 22(1), 129–138. <https://doi.org/10.1016/j.foodqual.2010.08.008>
- Anderson, L. E. (1994). A new look at an old construct: Cross-cultural adaptation. *International Journal of Intercultural Relations*, 18(3), 293–328. [https://doi.org/10.1016/0147-1767\(94\)90035-3](https://doi.org/10.1016/0147-1767(94)90035-3)
- Bourdieu, P. (1991). *Language and Symbolic Power* (Vol. 22, Issue 2/3). Polity. <https://doi.org/10.2307/3685295>
- Brower, V. W. (2011). Ethics is a Gustics. Phenomenology, Gender, and Oral Sexuality (from “Entre Nous” to ‘Lèvres Nous’). *Assuming Gender*, 2(1), 19–45.
- Cairns, K., Johnston, J., & Baumann, S. (2010). Caring about food: Doing gender in the foodie kitchen. *Gender and Society*, 24(5), 591–615. <https://doi.org/10.1177/0891243210383419>
- Cheah, P., & Robbins, B. (Eds.). (1998). *Cosmopolitics: Thinking and Feeling Beyond the Nation*. University of Minnesota Press.
- Clayre, I. F. C. S. (1970). The Spelling of Melanau (Nee Milano). *The Sarawak Museum Journal*, 28(5), 330–352.
- Counihan, C., & Esterik, P. Van. (2008). The Nourishing Arts. In C. Counihan & P. Van Esterik (Eds.), *Food and Culture: A Reader* (2nd ed., pp. 67–77). Routledge.
- Counihan, C., & Esterik, P. Van (Eds.). (2013). *Food and Culture: A Reader* (3rd ed.). Routledge.
- Cusack, I. (2003). Pots, pens and ‘eating out the body’: cuisine and the gendering of African nations. *Journal of Association for the Study of Ethnicity and Nationalism*, 9(2), 277–296. <https://doi.org/10.1111/1469-8219.t01-1-00086>
- DeVito, J. A. (2012). *Human Communication: The Basic Course*. Allyn & Bacon.
- Dillistone, F. W. (2002). *The Power of Symbol*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Dyg Hadzlina Quintan Haji Abg Shokeran & Mohamad Maulana Magiman.(2019). Ritual dalam upacara Gawe Padi Masyarakat Salako di daerah Sematan, Lundu Sarawak. *International Conference On Social Sciences And Humanities*.
- Dzulfawati Hassan. (2006). *Upacara kematian Melanau Likow di Sarawak*. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Fatimah Abdullah.(2009). Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan: Upacara Perkahwinan Melayu Bandar. *Sari*, 27, 97–109. <http://journalarticle.ukm.my/1155/1/sari27%281%29-2009%5B06%5D.pdf>
- Finucane, M. L., & Holup, J. L. (2005). Psychosocial and cultural factors affecting the perceived risk of genetically modified food: An overview of the literature. *Social Science and Medicine*, 60(7), 1603–1612. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2004.08.007>
- Flannery, E., & Mincyte, D. (2010). Food as power. *Cultural Studies - Critical Methodologies*, 10(6), 423–427. <https://doi.org/10.1177/1532708610372763>
- Foster, G. M., & Anderson, B. G. (1978). *Medical Anthropology*. John Wiley & Sons.

- Freeman, E. (2002). *The Wedding Complex: Forms of Belonging in Modern American Culture*. Duke University Press.
- Fukutomi, S. (2002). *Pot-Au-Feu Japan : Foods and Weddings* [Louisiana State University and Agricultural and Mechanical College].
https://digitalcommons.lsu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=3045&context=gradschool_theses
- Gayathridevi, D. K. S. (2013). A Study on Nonverbal Communication of Salespersons and their Service Behavior towards Customers in a Sales Encounter.pdf. *Journal of Contemporary Research in Management*, 8(4), 83–84.
- Gold, A. L. (2007). Changing Foodways: Generational communication in a new American Refugee population. (Tesis Doktor Falsafah). Diakses dari ProQuest Dissertation and Theses (UMI No. 3266980).
- Gutierrez, C. P., & Ancelet, B. J. (1992). *Cajun Foodways*. University Press of Mississippi. muse.jhu.edu/book/19634.
- Harrison, R. P., & Knapp, M. L. (1972). Toward an Understanding of Nonverbal Communication Systems. *Journal of Communication*, 22(4), 339–352.
<https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1972.tb00162.x>
- Jeniri Amir. (2015). *Masyarakat Melanau di Sarawak*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Keppel, H. (1846). The Expedition to Borneo of HMS Dido for the suppression of Piracy: *With Extracts from the Journal of James Brooke, Esq. of Sarawak, (Now Agent for the British Government in Borneo)*, 208.
- Koc, M., & Welsh, J. (2002). Food, Foodways and Immigrant Experience. In Ryerson University (Ed.), *Centre For Studies in Food Security*.
- Levi-Strauss, C. (1963). *Structural Anthropology*. New York: Penguin Book.
- Lewis, S. (2006). Recipes for reconnection : older people ' s perspectives on the mediating role of food in contemporary urban society. *Anthropological Notebooks*, 12(1), 49–61.
http://www.drustvo-antropologov.si/AN/PDF/2006_1/Anthropological_Notebooks_XII-1_4.pdf
- Mohamad Maulana Magiman & Othman Yatim. (2012). Simbol dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan, Sarawak. *Jurnal Melayu*, 9(9), 259–287.
- Mohamad Maulana Magiman & Norhuda Salleh. (2017). Identiti Bidayuh Sarawak Dalam Tarian Langgie Pingadap. *Borneo Research Journal*, 9(1), 46–59.
<https://borneojournal.um.edu.my/>
- Morgan, K. J. (2010). Local and green, global and fair: the ethical foodscape and the politics of care. *Environment and Planning A*, 42(8), 1852–1867.
- Morris, H. S. (1978). The Coastal Melanau. *Essays On Borneo Societies*. In V. T. King (Ed.), *Essays On Borneo Societies* (pp. 37–58). Oxford: Oxford University Press.
- Morris, H. S. (1953). *Report on a Melanau Sago Producing Community in Sarawak*.
- Noor Norazila Inai & Mohamad Maulana Magiman. (2019). Makna simbol ritual “Serarang” dalam masyarakat Melanau Likow di Dalat, Sarawak. *International Conference On Social Sciences And Humanities*.
- Norhuda Salleh. (2017). *Ritual dan simbol dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Sekinchan, Selangor*. [Tesis Doktor Falsafah]. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Pearson, J. C., Nelson, P. E., Titsworth, S., & Harter, L. (2011). *Human Communication* (4th Editio). New York: Mc Graw Hill.
- Quah, S. R. (2009). *Families in Asia: Home and Kin* (2nd ed.). Abingdon: Routledge.
- Rearick, N. A. (2009). “Food is something we gather around”: *Foodway Practices among Arab Americans in Columbus, Ohio* [The Ohio State University].
https://etd.ohiolink.edu/rws_etd/document/get/osu1243529334/inline

- Rosmaliza Muhammad, Mohd Salehuddin Mohd Zahari, Zulhan Othman, Mohd Razif Jamaluddin & Mohd Onn Rashdi. (2009). Modernization and Ethnic Festival Food. *International Conference of Business and Economic, Kuching, Sarawak.*, 1–14.
- Roth, H. L. (1968). *The Natives of Sarawak and British North Borneo* (Volume 1). University of Malaya Press.
- Sarina Ketii, Mohamad Maulana Magiman & Haji Ahmad Nasir Mohd. Yusoff. (2019). Simbol pakan dalam ritual masyarakat Penan kawasan Ulu Jelalong Tubau, Bintulu, Sarawak. *International Conference On Social Sciences And Humanities*.
- Seiler, W. J., Beall, M. L., & Mazer, J. P. (2016). *Communication: Making Connections* (10th ed.). Pearson Education Company.
- Shuhirdy Mat Noor, Nurul Aisyah Zakaria, Nik Mohd Shahril, Hamizad Abd Hadi, & Mohd Salehuddin Mohd Zahari. (2013). Pulut Kuning in Malay society: The beliefs and practices then and now. *Asian Social Science*, 9(7), 29–40.
<https://doi.org/10.5539/ass.v9n7p29>
- Sutton, D. E. (2001). *Remembrance of Repasts An Anthropology of Food and Memory (Materializing Culture)*. Texas: Berg Publishers.
- Turner, V. (1967). *The Forest of Symbols: Aspects of Ndemdu Ritual*. London: Cornell University Press.
- Une, B. (1989). *Kebudayaan Kebendaan Etnik Melanau: Penerokaan Pengeksploitasian Ke Arah Pewujudan Aktiviti Ekonomi Dan Pengekalan Tradisi Benda*. Kuching: Sarawak Museum.
- Welch, P. D., & Scarry, C. M. (1995). Status-Related Variation in Foodways in the Moundville Chiefdom. *American Antiquity*, 60(3), 397–419.
<https://doi.org/10.2307/282257>
- Whitt, Jennifer Burcham. (2011). *An Appetite for Metaphor : Food Imagery and Cultural Identity in Indian Fiction*. East Carolina University.
<http://thescholarship.ecu.edu/handle/10342/3535>
- Williams-Forson, P. (2007). Chicken and chains: using African American foodways to understand Black identities. In A. Bower (Ed.), *African American Foodways: Explorations of History and Culture*. Urbana: University of Illinois Press.